

30/03/2001

Minat pelabur majukan MSC semakin meningkat

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengaku, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merintis jalan ke arah kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ITC), tidak memberi sumbangan seperti diharapkan kepada ekonomi negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, minat dan komitmen pelabur terhadap program untuk memajukan MSC, yang dilancarkan pada 1996 sebagai strategi Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, semakin meningkat.

"Buat masa kini, saya mengaku ia tidak memberi sumbangan seperti yang kita harapkan," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Forum MSC-Teknologi Makmal Lucent Bell 2001, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan media asing bahawa MSC kini menghadapi masalah. Bagaimanapun, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) semalam berkata, MSC sudah mencatat kemajuan, walaupun ada beberapa bidang yang memerlukan usaha serta perhatian lanjut.

Ditanya sama ada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat menjejaskan kemajuan MSC, beliau berkata, walaupun ia belum dirasakan setakat ini, ia mungkin memberi kesan.

Pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang hadir sama pada majlis itu menjelaskan, usaha akan dibuat untuk memperkenalkan MSC dengan mengkaji cadangan dalam laporan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan (ICM) dan merangka pelan tindakan.

Antara cadangan itu ialah mendapatkan insentif khas bagi teknologi khusus berbanding insentif generik utama. Ia juga mesti memberi mandat kepada sebuah agensi sehati untuk membuat kelulusan segera bagi insentif khas kerana syarikat tidak boleh menunggu terlalu lama.

Ketika ini, 471 syarikat sudah diberikan status MSC, termasuk 40 firma bertaraf dunia. Sebanyak 420 sudah pun beroperasi.

Dr Othman bagaimanapun berkata, jumlah RM95 juta pelaburan daripada syarikat berstatus MSC sehingga 2001 masih lagi minimum berbanding kegiatan yang dibuat.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, MSC akan membuka jalan bagi Malaysia meningkatkan kemajuan dalam era maklumat dan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi.

Katanya, inisiatif MSC menyediakan banyak peluang kepada pengusaha k-ekonomi untuk maju melalui kumpulan pekerja berpengetahuan disediakan oleh universiti yang terletak dalam MSC, kemudahan komunikasi bertaraf dunia, dana teroka dan rangkaian pusat inkubator.

Beliau berkata, ketika dunia beralih daripada perdagangan berasaskan komoditi kepada perdagangan elektronik, inovasi, penyelidikan dan pembangunan serta peranan pekerja berpengetahuan menjadi unsur utama dalam ekonomi bercorak baru itu.

"Oleh itu Malaysia perlu terus menumpukan usahanya dalam menggalakkan kemahiran keusahawanan dengan sokongan dana teroka. Siswazah pula perlu dilengkapi kemahiran dan pengetahuan selaras perubahan dalam pasaran dan cara perniagaan dijalankan.

"Kemunculan masyarakat berpengetahuan menjadi faktor utama dalam memacu pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan sumbangan ke arah pengwujudan kekayaan negara.

"Saya berharap kita semua sudah memperolehi pemahaman dan wawasan lebih baik mengenai peluang berpotensi, cabaran dan membentuk usaha sama serta

gabungan baru bagi membolehkan kita makmur dengan jayanya dalam kemunculan k-ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mendapat manfaat besar kerana satu daripada kesan sampingan yang dijangkakan ialah kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang komputer dan telekomunikasi di kalangan universiti tempatan dan organisasi perniagaan dengan pusat kecemerlangan di seluruh dunia.

"Satu daripada contohnya ialah aktiviti R&D dalam Universiti Multimedia, yang mendapat manfaat daripada Lucent Bell Labs," katanya.

Mengenai forum itu, Dr Mahathir berharap saintis dan eksekutif korporat tempatan akan saling berinteraksi dan bekerjasama dengan saintis serta pakar teknologi daripada Lucent & Bell Labs dalam teknologi yang lebih luas, terutama dalam telekomunikasi dan komputer.

(END)